

## **GARIS PANDUAN UMUM PERMOHONAN KE LUAR NEGARA UKM**

1. Semua aktiviti permohonan ke luar negara adalah berpusat di Sistem Permohonan Ke Luar Negara UKM (SPKLN).
2. Semua permohonan melalui SPKLN ini akan diuruskan di Pejabat Naib Canselor, UKM.
3. Setiap permohonan ke luar negara akan diproses, dinilai dan diperaku di peringkat Ketua Projek, Dekan/Pengarah/Ketua Pentadbiran dan Pengarah Pusat Penyelidikan & Instrumentasi (CRIM).
4. Setiap permohonan mestilah menyatakan faedah dan manfaat kepada UKM dan negara untuk sebarang urusan ke luar negara.
5. Setiap permohonan mestilah menyatakan nama pembiaya/penaja dengan jumlah kewangan diperuntukkan untuk sebarang urusan ke luar negara.
6. Setiap permohonan ke luar negara hendaklah dipohon dalam tempoh 8 minggu dari tarikh pelepasan ke luar negara. Bagi permohonan yang kurang dari tempoh di atas, secara automatik tidak boleh memohon di dalam sistem permohonan ke luar negara.

Tempoh masa yang diperlukan untuk perakuan dan kelulusan:-

- a. 2 minggu - Perakuan Ketua Projek dan Dekan/Pengarah/Ketua Pentadbiran
  - b. 2 minggu - Perakuan Pengarah CRIM
  - c. 2 minggu - Kelulusan Pejabat Canselori (Naib Canselor dan Pengerusi LPU)
  - d. 2 minggu - Kelulusan Kementerian Pendidikan Tinggi (Ketua Setiausaha, KPT)
7. Setiap permohonan yang pergi secara berkumpulan (3 orang atau lebih) mestilah melampirkan bersekali dengan surat kelulusan bertulis daripada Naib Canselor semasa membuat permohonan SPKLN.
  8. Pihak UKM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang permohonan yang telah melakukan komitmen kewangan awal dengan pihak luar sekiranya permohonan tersebut tidak diluluskan.
  9. Kekerapan permohonan ke luar negara hanya boleh diluluskan tertakluk kepada Pekeliling Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Pekeliling Kementerian Kewangan, Garis Panduan Menghadiri dan Mengadakan Persidangan UKM dan yang berkaitan.
  10. Keputusan muktamad kelulusan permohonan ke luar negara akan melalui proses kelulusan Sistem Permohonan Perjalanan Ke Luar Negara (eOTR), di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

# PROSES PENGURUSAN PERMOHONAN SPKLN

